

Bagi Alam Malaysia (SMA) Mageswari, usaha mengawal pengimportan sisa plastik dengan membeku sementara lesen import sahaja tidak mencukupi kerana rekod menunjukkan kawalan yang dilakukan tidak memberi kesan.

Katanya, langkah mengharamkan sepenuhnya import sisa plastik perlu dibuat segera kerana jika tidak, lebih banyak bahan itu dibawa masuk dari negara maju oleh peniaga tamak yang bersedia mewujudkan kilang haram berikutan larangan import oleh China sejak awal tahun ini.

"Dari dahulu ada langkah kawalan tetapi tidak berkesan. Plastik diimport itu bukan semua boleh dikitar semula, ada

S. MAGESWARI

AHMAD ZAHARIN

HAFIZUDIN

yang kualiti rendah sampai jadi lambakan dan akhirnya dibakar untuk dilupuskan sedangkan bahan kimia yang dilepaskan akibat pembakaran plastik amat berisiko dan boleh menyebabkan kanser.

"Pencucian sisa plastik sebelum proses kitar semula juga menyebabkan pencemaran sungai dan laut. Kenapa Malaysia perlu import sisa plastik dari negara maju? Seharusnya negara maju seperti Britain dan AS bertanggungjawab terhadap sisa yang dijana di negara masing-masing. Kita bukan tong sampah," kata-

nya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Selasa lalu, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin dalam sidang Dewan Rakyat menegaskan Malaysia tidak akan menjadi tong sampah sisa-sisa plastik dari negara-negara maju walaupun setelah China mengharamkan import plastik berkuat kuasa Januari tahun ini.

Sehubungan itu, Bee Yin memberitahu, kerajaan telah menukarkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji kaedah yang

dilepaskan dan kanser. Bahkan yak sisa berba negara miskin, dihentikan seg

Dalam pad satuan Akti (Kuasa), Ha pula berpen lu memastik plastik dom keadaan yan lu sebelum plastik dari "Untuk plastik der ada kemuc pi. Ini yan tian oleh k

Wujudkan segera SOP cegah HFMD

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Kementerian Kesihatan digesa supaya mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di premis pusat asuhan dan penjagaan kanak-kanak untuk mengelakkan penularan wabak penyakit itu menjadi semakin tidak terkawal.

Ketua Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Azlin Muhammad Yasin berkata, antara premis yang wajib untuk mengikut SOP tersebut adalah yang mempunyai kes wabak itu dan dihuni oleh kanak-kanak di bawah 10 tahun.

"Antaranya rumah persendirian, taman didikan kanak-kanak (tadika), taman asuhan kanak-kanak (taska), prasekolah rumah pengasuh, sekolah rendah, kawasan permainan kanak-kanak berbayar atau percuma dan kawasan salin lampin bayi di premis awam.

"Setiap premis memerlukan SOP yang mudah difahami pekerja, contohnya carta aliran teknikal yang dipaparkan dalam bentuk poster," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Kementerian Kesihatan dalam satu kenyataan menyatakan sebanyak 40,949 kes HFMD dicatatkan di seluruh negara dari 1 Januari hingga 31 Julai lalu de-



Semua pengasuh, guru, pekerja di premis perlu peka dan berpengetahuan penuh tentang simptom HFMD. Pengimbasan sebelum masuk ke kelas adalah sebaiknya."

AZLIN MUHAMMAD YASIN
Ketua Jabatan Parasitologi dan Entomologi Perubatan, Fakulti Perubatan UKM

ngan Selangor mencatat jumlah tertinggi 12,193 kes, diikuti Kuala Lumpur (4,676), Sarawak (4,708), Perak (3,160), Sabah (2,424), Johor (2,529), Pulau Pinang (2,917), Kedah (1,471), Kelantan (1,707), Melaka (1,610), Negeri Sembilan (1,667), Pahang (803), Terengganu (632), Wilayah Persekutuan Labuan (384) dan Perlis (250).

Tambah Azlin, Kementerian Kesihatan juga perlu menjalankan siasatan kes secara aktif kepada semua pekerja atau yang individu yang mempunyai kontak dengan premis seperti guru dan keluarga masing-masing.

"Jika ada pelajar atau kanak-kanak yang demam dan nampak lemah serta tidak bermaya, tidak mahu makan, lesu, tidak mahu

bermain langsung, sila rujuk ke hospital secepat mungkin untuk mengelakkan komplikasi.

"Semua pengasuh, guru, pekerja di premis perlu peka dan berpengetahuan penuh tentang simptom HFMD. Pengimbasan sebelum masuk ke kelas adalah sebaiknya," katanya.

Menurut Azlin, salah satu penyebab penularan wabak itu semakin membimbangkan kini adalah ibu bapa dan penghuni premis yang kurang peka.

"Memandangkan ibu bapa sekarang sangat sibuk dan terhad dalam memantau kesihatan anak masing-masing, tugas itu sekarang lebih banyak terletak kepada penjaga, pengasuh, guru di premis-premis ini," katanya.

Ibu bapa bimbang penyakit terus meningkat

KUALA LUMPUR 3 Ogos - Wabak kan berada di tempat awam dan menhidap HFMD agar tidak terus